

Keciciran di sekolah rendah semakin kurang — Mahathir

17 JULI 1975

KUALA LUMPUR 16 Julai — Peratus kecaciran di sekolah-sekolah rendah semakin berkurangan sejak langkah-langkah diambil untuk mengatasi masalah itu, Dewan Rakyat diberitahu petang ini.

Menteri Pelajaran (Dr. Mahathir Mohamad dalam jawapan bertulis kepada Haji Mohd Zain Abdullah [BN-Bachok] berkata: Oleh itu, tidaklah perlu diadakan satu kajian semula ke atas laporan kecaciran.

Menurut Dr. Mahathir, kecaciran di sekolah rendah antara 1967 hingga 1970 telah turun sebanyak 7.1% dari 13.6 kepada 6.5%. Ataupun turun dari 33,965 kepada 17,083.

Katanya, kabinet telahpun melantik satu jawatankuasa pegawai-pegawai untuk mengkaji dan mengemukakan pandangan-pandangan mereka mengenai syor kajian kecaciran pada tahun 1973.

Jawatankuasa itu telahpun mengemukakan laporannya kepada kerajaan, kata beliau.

Dr. Mahathir bersetuju bahawa pelaburan pelajaran di peringkat ren-

dah ditambahkan tetapi tidak dengan mengurangkan pelaburan pelajaran di peringkat tinggi.

"Dalam usaha untuk memperbaiki keadaan di peringkat rendah beberapa tindakan telahpun dijalankan seperti melancarkan skim pinjaman buku teks, menambahkan peruntukan bantuan perpustakaan," tambah beliau.

Katanya, Kementerian Pelajaran telahpun memberi peruntukan perbelanjaan kewangan yang lebih kepada sekolah-sekolah dari kawasan luar bandar yang kebanyakannya sekolah-sekolah kecil.

Peruntukan yang lebih untuk seorang murid bagi peruntukan ocar, ocse, perpustakaan, sains dan hisab, dan lukisan diberikan kepada sekolah-sekolah yang kecil bilangan murid-muridnya.

Misalnya, dalam peruntukan ocar dan ocse bagi sekolah-sekolah yang kurang daripada 100 orang murid, peruntukannya ialah \$8.00 bagi tiap-tiap seorang murid.

Bagi 100 hingga 250 orang murid peruntukannya ialah \$6.00 bagi tiap-

tiap seorang murid, bagi 251-500 orang murid peruntukannya ialah \$5.00 bagi tiap-tiap seorang murid dan bagi sekolah-sekolah yang mengandungi lebih daripada 500 orang murid, peruntukannya ialah \$4.00 bagi tiap-tiap seorang murid.

Menurutnya, pada masa ini suatu projek pelajaran imbuan sedang dijalankan di pusat perkembangan kurikulum untuk mengetahui masalah-masalah dalam pembelajaran di peringkat pra-sekolah dan di sekolah rendah bagi kanak-kanak yang datang daripada golongan masyarakat yang tidak berada.

"Projek ini juga bertujuan untuk mengadakan alat-alat mengesan kelemahan [Diagnostik] kanak-kanak dan untuk membuat rancangan pemulihan bagi kanak-kanak yang mengalami masalah tersebut," tambah Dr. Mahathir.

Peperiksaan di darjah 3 dan darjah 5 hendaklah mengukur perkara-perkara yang asas — menulis, membaca dan mengira, katanya.